

FINGERTEC



*Face ID 2*

Terminal Pengenalan Wajah & Cap Jari

PANDUAN PENGGUNA

# KANDUNGAN

## 5-6 Bab 1: Memulai

Merujuk Panduan Pengguna Face ID di Internet  
Aksesori Face ID  
Bahan Bercetak Di lampir dalam Face ID  
Mengaktifkan Face ID  
Mendaftar Face ID

## 7-11 Bab 2: Asas

Pengenalan kepada Face ID  
Ringkasan Face ID  
Menu Utama  
Butang Pasang/Tutup  
Papan Kekunci Sentuh  
Papan Kekunci  
Bateri  
Tarikh/Masa  
Kawalan Bunyi  
Ciri Keselamatan  
Membersihkan Face ID  
Memasang dan Menetap Semula Face ID

## 12-14 Bab 3: Sambungan - Menyelaras Face ID

Pemasangan dan Komunikasi  
Memastikan Ketulenan TCMS V2  
Pemasangan dan Tetapan TCMS V2  
Menyambungkan Face ID ke TCMS V2  
Menggunakan USB utk Muat Turun/Muat Naik Data

## 15-17 Bab 4: Pengguna

Mendaftar Pengguna  
Mengesahkan Pengguna  
Menambah Maklumat Pengguna  
Padam Pengguna  
Tahap Akses/Hak Akses

## 18-22 Bab 5: Sistem

**Tetapan Am**  
Selaraskan Tarikh/Masa  
Format Tarikh  
Bunyi Papan Kekunci  
Bunyi  
Kuat (%)  
Kunci Kuasa  
**Tetapan Paparan**  
Bahasa Sistem  
Gaya Paparan  
Memaparkan Toolbar  
Menentukan Cara Pengesahan Default  
Tangguh Gambar  
Masa Tidur  
Tetapan Cap Jari  
Menetapkan Threshold  
Kekerapan Mencuba  
Paparan Versi Algoritma  
Memaparkan Imej Cap Jari di Skrin  
**Tetapan Wajah**  
Tetapan Threshold  
Dedahan/Kontras Gambar  
Gain  
Membetulkan Kualiti Imej  
**Tetapan Log**  
Log Waspada  
Jarak Kemaskini  
Menentukan Kod Tugas  
Menggunakan Kad Sahaja  
**Kemaskini**  
**Maklumat Sistem**  
Rekod  
Terminal

- 23 Bab 6: Data**  
Memadam Log Transaksi  
Memadam Semua Data  
Menguruskan Hak Pengguna  
Memadam Screen Savers  
Kembali Kepada Tetapan Asal Kilang
- 24 Bab 7: USB**  
Memahami Keperluan Pemacu Kilat USB  
Jenis Pemacu Kilat USB  
Memuat Turun Log Kehadiran  
Memuat Turun Data Pengguna  
Memuat Naik Data Pengguna Daripada USB ke Terminal  
Memuat Naik Foto Pengguna  
Memuat Naik Foto ke dalam Terminal
- 25 Bab 8: Papan Kekunci**  
Kunci Pintas Secara Ringkas  
Mengkonfigurasi Kunci Pintas
- 25-26 Bab 9: Ujian Automatik**  
Siapa Yang Perlu Melakukan Ujian Automatik?  
Adakah Skrin OK?  
Memeriksa Mesej Suara/Arahan  
Memeriksa Papan Kekunci  
Pemeriksaan Ke Atas Pengimbas Optik  
Memeriksa Kamera Infra Merah  
Adakah Masa Yang Dipapar Tepat?
- 26 Bab 10: Kalibrasi**  
Kalibrasi Kepekaan Skrin ke Tahap Default
- 27 Bab 11: Loceng**  
Definisi Loceng Berjadual  
Memasukkan Masa untuk Membunyikan Loceng Berjadual  
Menentukan Jenis Deringan Untuk Membunyikan Loceng Berjadual  
Menjajar Bunyi Loceng  
Ulangan  
State
- 28 Bab 12: Akses**  
Menggunakan Face ID Sebagai Akses Kawalan Pintu  
Berapakah Tempoh Sebelum Pintu Dikunci Kembali  
Melewatkan Sensor Pintu  
Memilih Jenis Sensor Pintu  
Melewatkan Penggera
- 29-31 Bab 13: Masalah**  
“Unable to Connect” Dipapar  
“Admin Affirm” Dipapar  
Sukar Untuk Membaca Cap Jari  
Terminal Face ID tidak Membaca Wajah Anda  
Lampu LED Berkelip Sentiasa  
“Duplicate Finger” Dipapar  
Kad RFID Tidak Bertindakbalas  
Tiada Bunyi
- 32 Bab 14: Bahan-Bahan Lain**  
Maklumat Tentang FingerTec  
Notis Hakcipta & Sangkalan


# 1 • MEMULAI

## Merujuk Panduan Pengguna Face ID di Internet

Panduan Pengguna Face ID tersedia di dalam pakej apabila anda membeli FingerTec® Face ID. Panduan Pengguna ini juga disediakan online di [fingertec.com](http://fingertec.com) dan di [user.fingertec.com](http://user.fingertec.com). Pilihan bahasa untuk Panduan Pengguna Face ID juga disediakan.

## Aksesori Face ID

Jangan menyalahgunakan pengimbas cap jari dengan mencarkannya permukaannya, mendedahkan permukaan pengimbas kepada haba yang kuat atau menekan pengimbas secara kuat ketika melakukan pengesahan. Bersihkan pengimbas dengan kain mikrofiber untuk mengekalkan kualitasnya.




### Penyadur Kuasa DC 12V

Sambung satu bahagian penyadur kuasa ini ke Face ID dan satu bahagian lagi ke punca kuasa untuk mengecap Face ID.

### Wayar –Wayar Sambungan

Wayar-wayar yang dibekalkan di dalam pakej ialah untuk tujuan mengunci pintu, loceng pintu, sambungan RS232 dan RS485, jika diperlukan.




### Kabel Cat 5

Sambungkan kabel CAT 5 ke Face ID dan satu hujung lagi untuk sambungan LAN.



### Stylus

Untuk menavigasi panel LCD skrin sentuh dengan mudah.




### Pemutar Skru

Pemutar skru T10 dibekalkan untuk membuka plat belakang Face ID ketika pemasangan.




### Sambungan USB

Sambung satu hujung sambungan USB ke Face ID dan satu hujung lagi ke pemacu kilat USB utk muat turun/ muat naik data dari/ke Face ID.




### Sepaket Skru

Gunakan skru yang dibekalkan untuk melekatkan plat belakang Face ID ke dinding.



### Pita Pengukur

Mengukur ketinggian pemasangan untuk mencapai hasil optimum daripada Face ID.




### Kad RFID (5 keping)

FingerTec membekalkan 5 keping kad RFID percuma dan sekeping kad MiFare bagi sistem MiFare.

## Bahan Bercetak Dilampir Dalam Face ID



- FingerTec Komprehensif DVD (dengan Kod Produk dan kunci pengaktifan)
- Panduan Mula Cepat
- Risalah
- User Template Borang Pendaftaran
- Kad Jaminan



### TIP PEMASANGAN:

Lokasi pemasangan terbaik untuk Face ID 2 haruslah

- 1 – Jauh daripada cahaya matahari.
- 2 – Jarak 2 meter dari punca cahaya cth: lampu kalimantang
- 3 – Ketinggian 1.2 meter dari lantai

## Mengaktifkan Face ID

Untuk mengaktifkan Face ID, pasang Penyadur Kuasa 12V ke Face ID dan sambungkannya ke punca kuasa, tekan butang pasang/tutup. Untuk memuat turun data daripada Face ID, anda perlu bersedia dengan nombor kekunci produk dan kod aktivasi perisian TCMS V2. Nombor kekunci produk dan kod-kod aktivasi dilekatkan di atas manual panduan penggunaan perisian TCMS V2.

Jika anda kehilangan nombor kekunci produk dan kod aktivasi, sila ke [user.fingertec.com/retrieve\\_key\\_user.php](http://user.fingertec.com/retrieve_key_user.php) untuk memperolehkannya semula.

## Mendaftar Face ID

Pastikan anda mendaftar jaminan produk Face ID anda di [fingertec.com/ver2/english/e\\_main.html#](http://fingertec.com/ver2/english/e_main.html#)

## 2 • ASAS



### Pengenalan Kepada Face ID

Memperkenalkan Face ID 2, produk biometrik terkini yang menengahkan teknologi pengenalan wajah yang digabungkan dengan teknologi pengesahan cap jari. Face ID 2 boleh mengenalpasti identiti dengan pantas dan mudah tanpa perlu menyentuh terminal apabila menggunakan mod wajah. Face ID 2 hanya memerlukan pengguna melihat terminal untuk memperoleh pengesahan.

Face ID 2 diperkasakan dengan mikro pemprosesan mantap yang mampu memproses dua jenis pengesahan biometrik untuk pengenalan peribadi yang asli dan untuk pengumpulan data-data secara tepat bagi tujuan kehadiran dan kawalan akses pintu. Face ID 2 juga menerima pengesahan menggunakan kad sebagai ciri keselamatan tambahan.

Jika anda memerlukan produk biometrik yang mesra pengguna, pilihlah Face ID 2. Sekali pandang, anda akan disahkan.

### Ringkasan Face ID



Kegunaannya	
<b>Panel Skrin Sentuh</b>	Sentuh skrin ini untuk akses sistem Face ID dan melakukan konfigurasi
<b>Kekunci Pintas</b>	Suaikan kekunci fungsi untuk akses mudah ke fungsi tertentu.
<b>Lampu Infra-Merah</b>	Untuk memperbaiki imej wajah di kawasan yang malap.
<b>Kamera Wajah Berkembar</b>	Merakam imej wajah dari beberapa sudut
<b>Pengimbas Cap Jari</b>	Mengimbas cap jari untuk mengesahkan identiti.
<b>Kawasan Baca Kad</b>	Membaca informasi kad berdasarkan kad sistem Face ID.
<b>Lampu LED</b>	Menunjukkan status terminal. Hijau memberitahu bahawa Face ID berada di dalam mod 'bersedia' atau pengesahan telah berjaya. Merah pula menunjukkan bahawa terdapat masalah atau pengesahan telah gagal.
<b>Pembesar Suara</b>	Memberi arahan kepada pengguna
<b>Port USB</b>	Sambung wayar USB yang diberikan untuk memuat turun/ muat naik data dari/ke Face ID

## Menu Utama



**Pengguna**

Daftar, edit, padam dan masukkan maklumat pengguna melalui ikon Pengguna. Face ID 2 membenarkan simpanan sebanyak 700 imej wajah dan 3000 templat cap jari. (Pengguna)



**Sambungan**

Masukkan tetapan sambungan komunikasi Face ID 2 dengan komputer melalui LAN, RS232 and RS485. Tetapan sambungan komunikasi dengan komputer untuk pindahan data yang selamat.



**Sistem**

Susunan tetapan Face ID daripada tetapan am ke tetapan paparan untuk wajah dan cap jari. Tetapan kehadiran dan kemaskini tetapan juga dilakukan di sini.



**Data**

Periksa kehadiran pengguna dan log transaksi yang terdapat di Face ID dan lakukan kemaskini terminal.



**USB**

Pindahkan data ke Face ID 2 atau dari Face ID 2 menggunakan pemacu kilat USB.



**Papan Kekunci**

Tentukan fungsi kekunci pintas mengikut keperluan syarikat anda.



**Ujian Automatik**

Lakukan ujian ke atas Face ID 2 untuk diagnosa terminal dalam pelbagai aspek.



**Kalibrasi**

Kalibrasi panel skrin sentuh LCD Face ID 2 untuk mengekalkan prestasinya.



**Loceng**

Tetapkan jadual bunyi siren dan jarak masa antara deringan.



**Akses**

Susunkan tetapan akses pintu di Face ID 2.

## Butang Pasang/Tutup



Gunakan butang pasang/tutup untuk memasang dan menutup Face ID. Nyahdaya butang ini untuk menghalang Face ID daripada ditutup secara tidak sengaja.

## Papan Kekunci Sentuh



Tekan butang 1:1/1:N untuk memaparkan papan kekunci sentuh. Anda boleh memasukkan input ke dalam Face ID melalui papan kekunci sentuh ini. Terdapat angka 0-9, jenis pengesahan, pengesahan cap jari, kunci dan pengguna.



## Papan Kekunci



Guna papan kekunci QWERTY di skrin untuk menaip abjad dan nombor ke dalam Face ID.

### Taip Huruf Besar

Tekan anak panah arah atas yang terdapat pada sudut kiri papan kekunci untuk menukar huruf kecil kepada huruf besar.

### Taip Nombor

Tekan kekunci 123 untuk menukar papan kekunci agar memaparkan angka.

### Kembali

Tekan pada butang Enter untuk kembali ke awal ayat.

### Padam

Tekan anak panah arah atas yang terdapat pada sudut kanan papan kekunci untuk memadam ke masukan anda.

### Selesai

Tekan X pada sudut atas kiri papan kekunci apabila anda selesai menggunakan papan kekunci di skrin.

## Bateri

Face ID beroperasi menggunakan kuasa daripada sumber kuasa standard.

### Bateri Dalam

Bateri dalam dijual sebagai aksesori tambahan dan ia boleh bertahan sehingga 5 jam.

### UPS Mini

UPS Mini 12V juga boleh digunakan untuk menyalurkan kuasa ke Face ID.

Rujuk [accessory.fingertec.com](http://accessory.fingertec.com) untuk maklumat lanjut tentang aksesori yang dibekal oleh FingerTec.

## Tarikh / Masa

Face ID memaparkan tarikh dan masa pada skrin utama. Pilih format tarikh dan masa mengikut kecenderungan anda. Tekan Menu > Sistem > Tarikh/Masa > Pilih nilai > Simpan.

## Kawalan Bunyi

Kawalan Bunyi membenarkan anda untuk mengawal tahap bunyi yang dihasilkan oleh Face ID.

### Pasang/Tutup

Face ID membenarkan anda untuk memasang atau membuka bunyi mengikut kehendak anda. Tekan Menu > Sistem > Am > Bunyi > Buka/Tutup > Simpan.

## Menjajar Bunyi

Kekuatan bunyi default untuk Face ID ialah pada tahap 60. Bunyi Face ID boleh dibesarkan sehingga 100 dan boleh direndahkan serendah 0. Untuk menjaga pembesar suara adalah dicadangkan agar kekuatan bunyi dikekalkan pada 60-70. Untuk menjajar kekuatan bunyi Tekan Menu > Sistem > Am > Bunyi 1:100 > Tetapkan Nilai > Simpan.

## Ciri-Ciri Keselamatan

Ciri-ciri keselamatan membantu melindungi maklumat yang terdapat di dalam Face ID daripada dicerobohi oleh mereka yang tidak bertanggungjawab.

### Admin Affirm

Daftar pentadbir ke dalam sistem dengan mendaftar wajah, cap jari atau kata kunci pada ID pengguna. Tekan Menu > Pengguna > Tambah > Hak: Pentadbir > Pilih cara pendaftaran > Simpan. Selepas pendaftaran pentadbir dilakukan, menu utama hanya boleh diakses oleh pentadbir sahaja.

### Disable Butang Pasang/Tutup

Untuk menghalang Face ID daripada ditutup secara tidak sengaja, sistem membenarkan anda untuk disable butang Pasang/Tutup. Dengan melakukan ini, mereka yang tidak berkenaan tidak akan dapat menutup Face ID. Tekan Menu > Sistem > Am > Kunci Kuasa > Disable > Simpan.

### Suis Tamper

Suis tamper terdapat pada Face ID; ianya terletak di belakang terminal. Ketika pemasangan dilakukan, suis tamper ini diapit di antara plet belakang dan terminal Face ID. Sebarang percubaan untuk membuka Face ID akan membunyikan penggera yang terpasang pada Face ID dan skrin akan memaparkan mesej "Sistem tenggala".

## Membersihkan Face ID

Untuk membersihkan Face ID, sila tutup dahulu terminal ini dan cabutkan semua kabel yang tersambung dengan kuasa elektrik.

### Membersihkan Panel Sentuh

Gunakan sekeping kain kering untuk membersihkan Face ID. Jangan menggunakan apa-apa cecair, cecair pembersih rumah, semburan aerosol, alkohol, ammonia untuk membersihkan panel skrin Face ID kerana ianya boleh merosakkan panel.

### Membersihkan Pengimbas Cap Jari

Bersihkan pengimbas cap jari dengan secebis kain mikrofiber.

## Membuka dan Menetap Semula Face ID

Jika sesuatu pada Face ID tidak berfungsi dengan betul, cubalah membuka atau menetap semula Face ID.

### Membuka Semula Face ID

Tekan butang Pasang/Tutup di Face ID untuk membuka semula terminal ini. Jika anda gagal untuk membuka semula Face ID atau masalah yang dihadapi berterusan, anda perlu menetapkan semula tetapan.

### Tetapkan Semula Face ID

Pergi ke Menu, tekan pada ikon Data dan klik pada Kembali ke Tetapan Kilang. Tekan Ya untuk setuju. Apabila anda menetapkan semula Face ID, semua tetapan akan kembali kepada tetapan kilang yang asal.


### 3. **SAMBUNGAN - MENYELARAS FACE ID**

#### Pemasangan dan Komunikasi

Di bahagian belakang Face ID terdapat 6 sambungan tersedia untuk kuasa dan komunikasi.



Belakang Terminal




#### 1 Sambungan USB

Sambung dengan pemacu kilat USB untuk pemindahan data jarak jauh.

#### 2 Sambungan TCP/IP

Sambungkan dengan kabel CAT 5 untuk sambungan jenis LAN, satu hujung disambungkan ke lubang ini dan hujung yang lain disambungkan ke lubang TCP/IP di komputer.

**TCP/IP untuk Sambungan Dengan Satu Komputer** – Menyambungkan Face ID kepada satu komputer menggunakan TCP/IP memerlukan Ethernet 10/100Base-T Crossover Cable.



Kabel ini boleh digunakan untuk menyelurkan melalui hub atau untuk menghubungkan pusat Ethernet tanpa menggunakan hub. Ianya berfungsi dengan 10Base-T and 100Base-TX.

#### Joint 1 Pin

#### Joint 2 Pin

TX+	1	3	RX+
TX-	2	6	RX-
RX+	3	1	TX+
RX-	6	2	TX-

**TCP/IP untuk Sambungan Secara Rangkaian** – Menyambungkan Face ID kepada banyak komputer menggunakan TCP/IP memerlukan Ethernet 10/100Base-T Straight Thru Cable atau dikenali sebagai “whips”. Kabel ini berfungsi dengan 10Base-T dan 100Base-TX, menghubungkan kad interfasa jaringan kepada hub/


Pin Sambungan		Warna Kabel Sambungan		
TX+	1	Putih/Jingga	1	TX+
TX-	2	Jingga	2	TX-
RX+	3	Putih/Hijau	3	RX+
	4	Biru	4	
	5	Putih/Biru	5	
RX-	6	Hijau	6	RX-
	7	Putih/Coklat	7	
	8	Coklat	8	

### 3 Sambungan Kuasa


Masukkan penyadur kuasa ke sambungan ini untuk menyalurkan kuasa.

### 4 RS232/RS485 – Sambungan Wiegand


**RS232** – Sambungan ke komputer menggunakan kabel RS232.



**RS485 Sambungan Tunggal** – Sambungan ke komputer tunggal menggunakan wayar RS485.



**RS485 Sambungan Tunggal** - Sambungan ke beberapa komputer menggunakan sambungan Daisy Chain.



**Output Wiegand** – Sambungan kepada terminal atau penyambung parti ketiga.

## 5 Sambungan Kawalan Akses

Menyambungkan terminal Face ID ke sistem kawalan pintu Rujuk kepada Panduan Pemasangan yang disertakan di dalam pakej ini, atau muat turun dari [http://www.fingertec.com/customer/download/saleskits/installation\\_FACE.pdf](http://www.fingertec.com/customer/download/saleskits/installation_FACE.pdf)  
Pemasangan Pintu Kayu [http://www.fingertec.com/customer/download/saleskits/installation\\_WD.pdf](http://www.fingertec.com/customer/download/saleskits/installation_WD.pdf)  
Pemasangan Pintu Kaca [http://www.fingertec.com/customer/download/saleskits/installation\\_GD.pdf](http://www.fingertec.com/customer/download/saleskits/installation_GD.pdf)

## 6 Sambungan Loceng

Menyambungkan terminal Face ID kepada loceng pintu.

## Memeriksa Ketulenan TCMS V2

TCMS V2 ialah perisian tulen oleh FingerTec®. Periksa pelekat tulen yang dilekatkan pada manual TCMS V2 software untuk memperoleh kunci produk dan kod pengaktifan. Nombor siri terminal FingerTec mestilah padan dengan nombor siri yang dicetak di atas pelekat tulen untuk mengaktifkan sistem.



## Pemasangan dan Tetapan TCMS V2

Pasang TCMS V2 di dalam komputer yang mempunyai spesifikasi minima dan yang lebih tinggi. Rujuk [user.fingertec.com/user-manual.htm](http://user.fingertec.com/user-manual.htm) untuk mendapatkan Manual TCMS V2 secara online. Setup Wizard akan memerlukan kunci produk dan kod mengaktifkan untuk mengaktifkan sistem. Sekiranya anda kehilangan kunci produk dan kod mengaktifkan TCMS V2 anda, sila ke [user.fingertec.com/retrieve\\_key\\_user.php](http://user.fingertec.com/retrieve_key_user.php) untuk memperolehnya semula.

## Menyambungkan Face ID ke TCMS V2

### Menggunakan TCP/IP

Alamat IP sangat penting kerana ianya merupakan alamat unik terminal Face ID di dalam sambungan LAN. Tanpa alamat IP, pencarian kedudukan terminal secara spesifik tidak boleh dilakukan. Untuk memasukkan alamat IP ke dalam terminal: Tekan Menu > Ikon Sambungan Icon > Alamat IP > Masukkan alamat IP > Ulang tetapan untuk Subnet Mask & Gateway > Tekan ID Terminal > Simpan.

### Menggunakan RS232

Untuk sambungan dengan RS232, kadar baud ialah penentu kepada kepantasan komunikasi antara Face ID dan perisian. Lebih tinggi kadar baud, lebih laju kepantasan komunikasi. Untuk menggunakan sambungan RS232 dan menetapkan kadar baud: Tekan Menu > Ikon Sambungan > RS232/RS485 > Tukar sambungan RS232 kepada ON > Tukar kadar baud > Tekan butang Terminal ID dan masukkan ID > Simpan.

### Menggunakan RS485

Untuk sambungan menggunakan RS485, kadar baud merupakan penentu kepantasan komunikasi di antara Face ID dan perisian tetapi kepantasan mestilah selari dengan kepantasan penguubah. Periksa kepantasan penguubah anda. Untuk memasang sambungan RS485 dan menetapkan kadar baud: Tekan Menu > Ikon Sambungan > RS232/RS485 > Tukar sambungan RS232 kepada ON > Tukar kadar baud > Tekan butang Terminal ID dan masukkan ID > Simpan

## Menggunakan USB untuk Muat Turun / Muat Naik Data

Pemacu kilat USB berguna apabila Face ID dipasang jauh dari komputer atau terdapatnya masalah sambungan. Untuk menentukan jenis USB yang sesuai untuk terminal FingerTec, sila rujuk ke alamat ini [fingertec.com/newsletter/HL\\_74.html](http://fingertec.com/newsletter/HL_74.html). Tekan Menu > ikon USB > Pilih operasi yang ingin dilakukan menggunakan pemacu kilat USB.

## 4 • PENGGUNA

### Mendaftar Pengguna

Face ID boleh menampung sehingga 500 imej wajah dan 3000 templat cap jari dan 10,000 pengguna kad. Bahagian ini akan merangkumi pendaftaran pengguna untuk wajah, cap jari, kad dan kata kunci.

#### 1. Pendaftaran Wajah

Setiap pendaftaran wajah mengambil masa selama 30 saat untuk selesai. Terminal akan merakam imej wajah anda menghasilkan templat wajah 3 dimensi untuk disimpan. Ketika pendaftaran di Face ID, sila berdiri dengan tegak dan tidak menggerakkan tubuh dan muka, dan pastikan juga wajah anda tenang dan tidak membuat memek muka yang keterlaluan. Untuk ketinggian di antara 150 cm ke 180cm, disarankan jarak di antara pengguna dan Face ID pada 0.5m.

**Untuk pendaftaran wajah:** Tekan Menu > Ikon Pengguna > Tambah > ID Pengguna:1 > Masukkan ID Pengguna > Pilih Wajah > Ikut arahan yang diberi oleh Face ID untuk melakukan pendaftaran (Pastikan anda melihat pada kamera) > Pilih Hak Pengguna > Simpan

#### 2. Pendaftaran Cap Jari

Untuk satu ID pengguna, anda dicadangkan untuk mendaftarkan dua jari. Satu templat ialah default dan satu lagi dijadikan salinan. Anda perlu memeriksa kualiti cap jari sebelum melakukan pendaftaran cap jari. Pastikan anda mengenalpasti titik-titik tengah jari anda kerana titik titik tengah ini perlu diletak di tengah pengimbas untuk mendapatkan bacaan yang baik.

Anda juga perlu memastikan jari anda tidak terlalu basah atau kering ketika melakukan pendaftaran.

**Untuk mendaftar cap jari:** Tekan Menu > Ikon Pengguna > Tambah > ID Pengguna:1 > Masukkan ID Pengguna > Pilih Cap Jari > Letakkan jari anda 3 kali mengikut arahan yang diberikan oleh Face ID > Pilih hak pengguna > Simpan

#### 3. Pendaftaran Kad

Kad default untuk Face ID ialah RFID. Sistem Kad MiFare dan HID perlu ditempah berasingan.

**Untuk mendaftar kad:** Tekan Menu > Ikon Pengguna > Tambah > ID Pengguna:1 > Masukkan ID Pengguna > Pilih Kad > Imbas kad anda pada kawasan pengimbas sehingga skrin memaparkan ID kad > Simpan

#### 4. Pendaftaran Kata Kunci

Face ID menawarkan cara pendaftaran yang pelbagai dan kata kunci boleh digunakan secara tunggal atau kombinasi dengan cara pengesahan yang lain. Panjang kata kunci maksima ialah 8 digit.

**Untuk mendaftar Kata Kunci:** Tekan Menu > Ikon Pengguna > Tambah > ID Pengguna:1 > Masukkan ID Pengguna > Pilih Kata Kunci > Masukkan Kata Kunci menggunakan papan kekunci sentuh > OK > Sahkan kata kunci > OK > Simpan

# Mengesahkan Pengguna

## Cara Pengesahan Kegunaannya

**1:1 (Satu ke Satu)** Anda perlu tahu nombor anda sebelum anda boleh memasukkan sebarang ciri biometrik untuk pengesahan. Sebagai contohnya, nombor pengguna anda ialah 1008 dan anda menggunakan pengesahan wajah. Cara pengesahan Satu ke satu memerlukan anda memasukkan nombor pengguna diikuti dengan wajah anda untuk mendapat pengesahan.

**1:N (Satu ke Ramai)** Anda tidak perlu untuk memasukkan nombor pengguna anda sebelum memasukkan ciri biometrik untuk pengesahan. Anda hanya perlu lihat pada Face ID untuk mendapat pengesahan wajah atau letakkan jari anda di atas pengimbas untuk disahkan.

## Bunyi / Mesej Apa Maksudnya?

**“Sah”** Pengesahan identiti telah berjaya, Face ID telah menyimpan log transaksi dan membuka pintu (jika dipasang sistem kawalan pintu)

**“Cuba Sekali Lagi”** Pengesahan identiti gagal kerana jari dan wajah tidak diletakkan dengan betul, templat tidak terdapat di dalam Face ID atau kata kunci tidak tepat.

**“Admin Affirm”** Anda bukan pentadbir sistem dan anda tidak dibenarkan mengakses Menu.

**“Duplicate Finger”** Mesej ini hanya dipaparkan ketika pendaftaran apabila jari yang anda ingin anda daftar telah didaftarkan ke dalam sistem.

**“Invalid ID”** Untuk pengesahan 1:1, Nombor Pengguna yang dimasukkan tidak padan dengan templat wajah atau cap jari yang terdapat di dalam sistem.

## Pengesahan Wajah

**1:N** – Pengesahan 1:N tidak memerlukan sebarang masukan ID pengguna. Berdiri di hadapan Face ID sehingga anda dapat melihat pantulan wajah anda pada panel dan lihat pada kamera. Face ID hanya mengambil beberapa saat untuk mengesahkan wajah anda.

**1:1** – Pengesahan 1:1 memerlukan anda memasukkan ID pengguna sebelum Face ID dapat membaca wajah anda dan mengesahkan. Sentuh pada butang 1:1/1:N > Masukkan ID di skrin > Sentuh ikon wajah > Face ID akan membaca dan mengesahkan.

Beberapa langkah berjaga-jaga harus dilakukan untuk mendapatkan bacaan yang bagus setiap kali.

- Berdiri tegak dan jangan bergerak
- Jangan tutup wajah anda
- Pastikan anda tenang dan tidak membuat memek muka yang keterlaluan seperti menjelirkan lidah atau mengerutkan muka.
- Jangan berdiri terlalu dekat atau terlalu jauh dari Face ID

## Pengesahan Cap Jari

**1:N** – Pengesahan 1:N tidak memerlukan anda untuk memasukkan sebarang input ID pengguna. Letakkan jari anda di atas pengimbas dan Face ID akan mengambil masa satu saat untuk mengesahkan identity anda.

**1:1** – Pengesahan 1:1 memerlukan anda untuk memasukkan ID Pengguna sebelum Face ID boleh membaca dan membuat pengesahan. Sentuh pada butang 1:1/1:N > Masukkan ID di skrin > Sentuh ikon cap jari > Face ID akan membaca dan mengesahkan identiti anda

Beberapa langkah berjaga-jaga harus dilakukan untuk mendapatkan bacaan yang bagus setiap kali.

- Pastikan titik-titik tengah jari anda diletakkan di bahagian tengah pengimbas untuk mendapatkan bacaan yang baik.

Dimanakah titik tengah?



- Disarankan menggunakan jari telunjuk, namun begitu, Face ID menerima jari yang lain, cuma jari telunjuk lebih mudah.
- Pastikan jari anda tidak basah, terlalu kering, luka atau kotor.
- Jangan tekan begitu kuat pada pengimbas, hanya letakkan jari anda di atas pengimbas untuk dibaca.
- Elakkan cahaya matahari terus atau cahaya yang terlalu terang

### Pengesahan Kata Kunci


Kata kunci adalah satu pilihan untuk mereka yang tidak mahu atau tidak boleh menggunakan cara pengesahan yang lain. Untuk melakukan pengesahan menggunakan kata kunci, sentuh butang 1:1/1:N > masukkan ID pengguna dan sentuh butang kekunci > masukkan ID pengguna dan tekan pada butang kekunci > masukkan kata kunci dan tekan OK

### Pengesahan Kad

Imbas kad pada kawasan pengimbas kad di Face ID agar kad dapat dibaca dan membuat pengesahan identiti.

## Menambah Maklumat Pengguna

Maklumat pengguna boleh ditambah ke dalam Face ID melalui dua cara. Pertama ialah melalui terminal Face ID dan kedua ialah melalui perisian TCMS V2. Untuk menambah/menukar maklumat pengguna melalui terminal Face ID, tekan Menu > Ikon Pengguna > Pilih ID Pengguna > Tambah/Edit > Simpan. Untuk mencari pengguna menggunakan nama, klik pada huruf yang terdapat di bahagian bawah skrin.



### Apa yang boleh dilakukan di sini?

<b>ID Pengguna</b>	Edit ID pengguna mengikut sistem nombor di syarikat anda. Panjang maksima ID pengguna ialah 9 digit
<b>Nama</b>	Edit/Tambah nama dalam field ini. Panjang maksima ialah 24 abjad
<b>FP</b>	Padam/Tambah Cap Jari
<b>FC</b>	Padam/Tambah Wajah
<b>CARD</b>	Padam/Tambah Kad
<b>PWD</b>	Padam/Tambah Kata Kunci

Anda disarankan untuk mengemaskini maklumat pengguna melalui perisian TCMS V2. Selepas maklumat telah dikemaskini, selaraskan TCMS V2 dan Face ID untuk memaparkan maklumat terbaru.

## Padam Pengguna

Hanya pentadbir boleh memadam pengguna di dalam Face ID. Untuk memadam pengguna, tekan Menu > ikon Pengguna > Pilih Pengguna ID untuk dipadam > Tekan Padam > Tekan Padam sekali lagi untuk mengesahkannya

## Tahap Akses/Hak Akses

Face ID menawarkan dua jenis tahap akses atau hak akses.

### Hak Akses Apa yang boleh anda lakukan?

<b>Pengguna Biasa</b>	Hanya menggunakan Face ID untuk mengesahkan identiti anda. Anda tidak boleh masuk ke dalam Menu untuk membuat apa-apa perubahan kepada tetapan dan sistem
Pendaftar	Anda dibenarkan masuk ke dalam menu untuk mendaftar pengguna dan edit tetapan dalam sistem



## 5 • SISTEM

### Tetapan Am

#### Selaraskan Tarikh/Masa

Face ID ialah terminal untuk merekod masa kehadiran dan aktiviti akses pintu kakitangan. Ketepatan masa dan tarikh tidak boleh dikompromi untuk sistem ini berfungsi secara berkesan. Selaras Tarikh/Masa mengikut zon masa anda. Sentuh Menu > Ikon Sistem > Am > Tarikh/Masa > Pilih Nilai > Simpan

#### Format Tarikh

Format tarikh berbeza mengikut negara sebagai contoh di Malaysia, tarikh-bulan-tahun, manakala di Amerika Syarikat bulan disebut dahulu. Pilih format tarikh mengikut keperluan anda. Format default ialah dd-mm-yy. Tekan Menu > Ikon Sistem > Am > Format Tarikh > Pilih Format > Simpan

#### Bunyi Papan Kekunci

Papan kekunci Face ID mengeluarkan bunyi apabila anda menyentuh sebarang butangnya. Untuk membuka/menutup bunyi papan kekunci: Tekan Menu > Ikon Sistem > Bunyi Papan Kekunci > Buka/Tutup > Simpan

#### Bunyi

Face ID mempunyai beberapa arahan bunyi untuk memandu pengguna ketika pendaftaran dan untuk memberitahu pengguna ketika pengesahan. Tekan Menu > Ikon Sistem > Am > Bunyi > Buka/Tutup > Simpan

#### Kuat (%)

Kawalan Bunyi membenarkan anda mengawal tahap kekuatan bunyi yang dikeluarkan oleh Face ID.

**Buka/Tutup:** Face ID membenarkan anda untuk membuka/menutup bunyi mengikut keperluan anda. Tekan Menu > Sistem > Am > Bunyi > Buka/Tutup > Simpan.

**Sesuaikan Bunyi:** Bunyi default Face ID ialah 60. Bunyi ini boleh dikuatkan sehingga 100 dan serendah 0. Untuk mengekalkan prestasi pembesar suara Face ID, adalah disarankan untuk berada di dalam julat 60-70. Untuk menyesuaikan bunyi, tekan Menu > Ikon Sistem > Am > Bunyi 1:100 > Tetapkan nilai anda > Simpan.

#### Kunci Kuasa

Anda boleh membuka atau menutup kunci kuasa untuk mengelakkan Face ID ditutup secara tidak sengaja.

**Buka/Tutup:** Tekan Menu > Sistem > Am > Kunci Kuasa > Buka/Tutup > Simpan

### Tetapan Paparan

Tentukan paparan Face ID mengikut kegemaran dan keperluan anda.

#### Bahasa Sistem

Face ID menawarkan pelbagai bahasa untuk memenuhi keperluan anda. Maksima 3 bahasa boleh terdapat dalam Face ID dalam satu-satu masa dan ianya dimasukkan mengikut keperluan anda. Bahasa default ialah English. Menu > Ikon Sistem > Paparan > Bahasa > Pilih bahasa anda > Simpan

## Gaya Paparan

Paparkan produk anda atau mesej korporat menggunakan Face ID ketika terminal tidak digunakan.

**Paparan Jam:** Sebahagian skrin memaparkan iklan dan sebahagian lagi memaparkan jam.



Menu > Ikon Sistem > Paparan > Stail Paparan > Paparan Jam

## Memaparkan Toolbar



Anda mempunyai pilihan untuk memaparkan atau menyembunyikan toolbar di atas skrin.

**Papar Sentiasa:** Toolbar akan sentiasa dipaparkan si bahagian bawah skrin.

**Sembunyi:** Toolbar disembunyikan dan akan muncul hanya apabila anda menyentuh panel skrin. Menu > Ikon Sistem > Paparan > Stail Toolbar > Pilih Stail Anda > Simpan

## Tangguh Gambar

Penangguhan gambar ialah jangkamasa sebelum skrin memaparkan iklan-iklan yang telah anda muat naik. Julat masanya ialah daripada 0-999 saat. Menu > Ikon Sistem > Paparan > Tangguh Gambar > Tentukan Masa Anda > Simpan

## Masa Tidur

Masa tidur ialah jangkamasa sebelum Face ID menjadi tidak aktif. Tetapan ini merupakan ciri penghematan kuasa yang terdapat pada Face ID. Julat masa ialah 0-999 saat. Menu > Ikon Sistem > Paparan > Masa Tidur > Tentukan Masa Anda > Simpan

## Tetapan Cap Jari

Susunkan tetapan bagi pendaftaran cap jari dan pengesahannya agar terminal Face ID berfungsi secara optima.

## Menetapkan Threshold

LThreshold ialah tahap kepekaan pengimbas cap jari. Threshold menentukan berapa peratus titik-titik minutia pada jari yang dibaca oleh sistem. Semakin tinggi tahap threshold, lebih banyak titik yang dibaca, kawalan pada sistem lebih ketat. Tentukan threshold untuk cara 1:1 and 1:N.

Untuk 1:1, julatnya ialah 15-50 dan nilai yang disarankan ialah 35.

Untuk 1:N, julatnya ialah 5-50 dan nilai yang disarankan ialah 45.

Menu > Ikon Sistem > Cap Jari > 1:1 Threshold atau 1:N Threshold > Tentukan Tahap Anda > Simpan

## Kekerapan Mencuba

Anda boleh menghadkan berapa kali seseorang pengguna boleh mencuba untuk melakukan pengesahan cara 1:1. Julat ialah 1-9. Jika seseorang pengguna mencuba lebih daripada kekerapan yang ditetapkan, Face ID boleh membunyi sistem penggera untuk memberitahu pengawal keselamatan bahawa seseorang yang tidak dibenarkan sedang menggunakan terminal Face ID. Menu > Ikon Sistem > Cap Jari > Kekerapan Mencuba 1:1 > Tentukan Tahap > Simpan

## Memaparkan Imej Cap Jari Di Skrin

Face ID menawarkan paparan cap jari di atas skrin ketika imbasan sedang dilakukan untuk pengguna faham cara untuk meletakkan jari dengan sempurna untuk mendapatkan bacaan yang baik. Anda boleh memilih untuk memaparkan imej cap jari pada skrin atau tidak.

**Untuk memaparkan paparan imej cap jari atau sebaliknya:** Menu > Ikon Sistem > Cap Jari > Imej Cap Jari > Pilih Keperluan Anda > Simpan

*Pilihan yang diberikan termasuk:*

Paparan Imej Cap Jari	Apa maksudnya?
Dipaparkan kedua-duanya	Imej cap jari dipaparkan di skrin ketika pendaftaran dan pengesahan.
Tidak dipapar langsung	Imej cap jari ini tidak dipaparkan langsung ketika pendaftaran dan pengesahan
Papar Ketika Daftar	Imej cap jari dipaparkan di skrin ketika pendaftaran.
Papar Ketika Bandingan	Imej cap jari dipaparkan di skrin ketika perbandingan dilakukan.

## Tetapan Wajah

Susunkan tetapan wajah ketika pendaftaran dan pengesahan agar terminal Face ID berfungsi secara optima.

## Tetapan Threshold

Threshold ialah tahap kepekaan pengimbas infra-merah Face ID. Threshold menentukan berapa peratus wajah anda dibaca oleh sistem. Lebih tinggi kadar threshold, lebih peratus yang akan dibaca dan lebih ketat kawalan sistem. Tentukan threshold untuk kaedah 1:1 and 1:N.

**Kaedah 1:1,** julatnya ialah 0-99 dan nilai saranan ialah 60.

**Kaedah 1:N,** julatnya ialah 0-99 dan nilai saranan ialah 75.

Menu > ikon Sistem > Wajah > 1:1 Threshold/1:N Threshold > Masukkan Nilai > Simpan

### Dedahan/Kontras Kamera

Anda boleh membetulkan tahap dedahan cahaya untuk kamera infra-merah Face ID anda. Nilai yang tidak sesuai untuk tetapan ini boleh menyebabkan kamera tidak berfungsi dengan baik. Nilai saranan ialah 320.

Menu > Ikon Sistem > Wajah > Dedahan > Masukkan Nilai > Simpan

### Gain

Anda boleh menukar tahap kontras kamera infra merah anda untuk memastikan kamera Face ID anda berfungsi dengan baik. Nilai saranan ialah 100. Menu > Ikon Sistem > Muka > Gain > Masukkan Nilai > Simpan

### Membetulkan Kualiti Imej

Untuk menentukan kualiti imej wajah yang dirakam oleh kamera Face ID ketika pendaftaran dan pengesahan, anda boleh membetulkan kualiti dan nilai saranan ialah 80. Menu > Ikon Sistem > Wajah > Kualiti > Masukkan Nilai > Simpan

## Tetapan Log

Setiap kali Face ID digunakan, log transaksi disimpan di dalam memori. Tetapan log ini ialah untuk Face ID mengemaskini log.

### Log Waspada

Apabila simpanan log telah mencecah satu tahap, pengguna/pentadbir perlu diberitahu agar terminal dapat berfungsi dengan baik. Nilai saranan ialah 99. Menu > Ikon Sistem > Tetapan Log > Log Waspada > Masukkan Nilai > Simpan

### Jarak Kemaskini

Face ID perlu untuk mengemaskini log transaksi semua pengguna dalam satu jangkamasa dalam memastikan tiada pertembungan masa. Jangkamasa default ialah 10 minit. Menu > Ikon Sistem > Tetapan Log > Dup. Punch Period (m) > Masukkan Nilai > Simpan

### Menentukan Kod Tugas

Face ID menyediakan ciri kod tugas yang membenarkan pengguna untuk memasukkan kod/nombor selepas pengesahan. Nombor kod tugas ini harus dimasukkan terlebih dahulu ke dalam TCMS V2. Jadual di bawah ialah contoh kod tugas.

Sebab	Kod Tugas
Masuk	00
Keluar	01
OT Mula	04
Selesai	05
Cuti Sakit	10
Cuti Separuh Hari	12
Cuti Kecemasan	11
Jumpa Pelanggan	20
Luar Kawasan	21

**KodTugas Mod 1:** Pengesahan diikuti oleh kod tugas

**KodTugas Mod 2:** Kod tugas diikuti oleh pengesahan

Menu > Ikon Sistem > Tetapan Log > Mod Kod Tugas > Pilih Keperluan Anda > Simpan.

## Menggunakan Kad Sahaja

Face ID membenarkan kombinasi cara pengesahan untuk mencapai tahap keselamatan yang tinggi. Ciri ini fokus kepada pengesahan kad. Anda boleh membuka atau menutup ciri ini dengan memilih Y atau N.

**Y** – Face ID hanya membaca maklumat daripada kad untuk mengesahkan pengguna

**N** – Face ID memerlukan cara pengesahan lain dilakukan selepas kad dibaca.

Menu > Ikon Sistem > Tetapan Log > Kad Sahaja > Y atau N > Simpan

## Kemaskini

FingerTec® menawarkan kemaskini Face ID selalu. Sila rujuk wakil pengedar sebelum anda mengemaskini firmware terminal atau anda boleh menghubungi kami di [support@fingertec.com](mailto:support@fingertec.com)

## Maklumat Sistem

Pilihan ini terdapat dalam Sistem untuk membenarkan pemasangan memeriksa maklumat terminal termasuk simpanan, firmware, algoritme, dsb. Untuk memeriksa Maklumat Sistem Face ID klik pada ikon yang terletak pada bahagian kanan atas skrin.

## Rekod



Menunjukkan ruang simpanan yang bebas dan yang telah digunakan di dalam Face ID memperincikan bilangan pengguna, bilangan pendaftar dan pengguna kata kunci. Ia juga memaparkan maklumat lain seperti templat cap jari, templat wajah yang telah digunakan dan yang masih terdapat pada Face ID.

## Terminal

The screenshot shows the 'System Information' menu with a sidebar containing 'Menu', 'Records', and 'Terminal'. The main content area displays the following terminal details:

Terminal Name	
Serial Number	3161839420040
MAC Address	00:17:61:7f:0e:08
FP Algorithm	FTFinger VX10.0
Face Algorithm	FTFace VX5.0
Firmware Version	Ver 3.0.0(build 77)
Manufacturer	FingerTec
Manufacture Time	2009-10-14 19:30:35

Satu klik pada terminal ini memaparkan Nama Terminal, Nombor Siri Face ID, Alamat MAC, algoritme cap jari dan wajah, versi firmware, pengilang dan tarikh dan masa dikilangkan.

## 6. DATA

Setiap kali pendaftaran atau pengesahan dilakukan, satu log transaksi disimpan di dalam Face ID. Data yang disimpan di dalam transaksi log termasuk ID Terminal, tarikh, masa, ID pengguna dan aktiviti transaksi. Sebagai contoh, 0105021009000000000010000:

Deskripsi	Kod
ID Terminal	01
Tarikh (ddmmyy)	050210
Masa (hhmm)	0900
ID Pengguna	000000001
Kod Transaksi	00
Aktiviti Terminal	00

Log-log transaksi ini perlu diuruskan untuk mengekalkan kecekapan terminal Face ID anda. Anda disyorkan untuk melakukan pengemaskinian data di dalam perisian TCMS V2 tetapi di dalam ikon Data disediakan 5 fungsi untuk membolehkan anda menguruskan data di dalam Face ID tanpa menggunakan perisian.

### Memadam Log-Log Transaksi

Pastikan anda jelas dengan apa yang anda ingin lakukan. Log-log yang disimpan di dalam Face ID adalah log-log yang tidak dimuat turun ke dalam TCMS V2. Log-log yang terdapat di dalam Face ID tiada sebarang data pendua. Menu > Ikon Data > Padam Transaksi > Pengesahan Diperlukan (Ya/Tidak).

### Memadam Semua Data

Fungsi ini membenarkan anda untuk memadam semua data kehadiran dan maklumat pengguna yang terdapat di dalam terminal. Pastikan semua informasi pengguna sudah dimuat turun ke dalam perisian TCMS V2 sebelum melakukan tugas ini. Menu > Ikon Data > Padam Semua Data > Pengesahan Diperlukan (Ya/Tidak)

### Menguruskan Hak Akses

Terdapat dua hak akses di dalam Face ID, Pentadbir dan Pengguna biasa. Anda boleh memadam hak pentadbir tetapi tanpa pentadbir, pengguna biasa boleh memasuki menu dengan mudah dan menukar tetapan. Menu > Ikon Data > Padam Pentadbir > Pengesahan Diperlukan (Ya/Tidak)

### Memadam Skrin Savers

Anda boleh menayangkan produk dan mesej korporat syarikat anda di dalam Face ID dengan menggunakan fungsi screen saver. Untuk memadam semua screen savers: Menu > Ikon Data > Padam Gambar > Pengesahan Diperlukan (Ya/Tidak)

### Kembali Kepada Tetapan Asal Kilang

Terdapat beberapa sebab yang akan memerlukan anda untuk kembali kepada tetapan asal kilang. Apabila anda selesai menjalankan tugas ini, Face ID anda akan kembali kepada tetapan asal kilang untuk semua fungsi. Sila lakukan tetapan yang sesuai untuk syarikat anda. Menu > Ikon Data > Kembali Kpd Tetapan Asal Kilang > Pengesahan Diperlukan (Ya/Tidak)

## 7 • USB

### Memahami Keperluan Pemacu kilat USB

Komunikasi di antara Face ID dan komputer sangat penting untuk muat naik dan muat turun data transaksi untuk data kehadiran dan laporan akses pintu. Face ID menawarkan beberapa cara komunikasi seperti LAN dan sambungan kabel serial tetapi adakalanya terdapat senario yang memerlukan sambungan pemacu kilat USB. USB boleh disambungkan ke Face ID dengan komputer untuk muat naik dan muat turun maklumat pengguna dan log transaksi.

### Jenis Pemacu Kilat USB

Terdapat beberapa jenis USB yang terdapat di pasaran. Face ID hanya boleh berfungsi dengan Pemacu kilat USB yang menyokong minima Linux Kernel 2.4.x, berfungsi baik dengan Imation, Transcend and Pen Drive (minima menyokong Linux Kernel 2.4.x). Untuk menentukan jenis USB yang sesuai untuk terminal FingerTec, sila rujuk rangkaian ini [fingertec.com/newsletter/HL\\_74.html](http://fingertec.com/newsletter/HL_74.html)

### Memuat Turun Log Kehadiran

Untuk memuat turun log kedatangan daripada Face ID ke komputer: Menu > Ikon USB > Muat Turun Transaksi. Selepas proses muat turun selesai, cabut Pemacu kilat USB dari Face ID dan sambungkan ke komputer anda yang telah dipasang dengan TCMS V2. Muat naik data dari USB ke TCMS V2 untuk proses selanjutnya.

### Memuat Turun Data Pengguna

Pendaftaran pengguna harus dilakukan di Face ID dan ketika pendaftaran, data seperti nama dan ID Pengguna dimasukkan. Untuk menyelaras data ke dalam Face ID dan komputer: Menu > ikon USB > Muat Turun Pengguna

### Muat Naik Data Pengguna Dari USB ke Terminal

Walaupun pentadbir boleh memasukkan data pengguna melalui Face ID, data-data lain boleh diselesaikan melalui TCMS V2. Dapatkan kemaskini terbaru maklumat pengguna daripada TCMS V2 ke Face ID menggunakan pemacu kilat USB. Menu > Ikon USB > Muat Naik Pengguna

### Muat Naik Foto Pengguna

Foto Pengguna boleh dimasukkan dalam maklumat pengguna di TCMS V2. Untuk mendapatkan foto yang sama dipaparkan apabila pengguna membuat pengesahan identity, muat naik foto ini ke dalam Face ID melalui TCMS V2. Saiz foto mestilah 320 x 240 resolusi. Untuk muat naik foto menggunakan pemacu kilat USB: Menu > Ikon USB > Muat naik foto pengguna

### Muat Naik Foto Pengguna ke Terminal

Terminal Face ID memaparkan iklan atau gambar di panel skrin sentuh ketika ianya tidak digunakan. Saiz gambar mestilah 320 x 240 resolusi. Untuk muat naik gambar menggunakan pemacu kilat USB: Menu > ikon USB > Muat Naik Gambar



## 8 • PAPAN KEKUNCI

### Kunci Pintas Secara Ringkas

Kunci pintas memberikan anda akses pantas kepada fungsi yang sering digunakan. Sejumlah 6 kunci pintas disediakan untuk anda dan kunci pintas ini dilabelkan sebagai F1, F2, F3, F4, F5 dan F6.

### Mengkonfigurasi Kunci Pintas

Menu > Papan Kekunci > Klik pada satu kunci pada satu-satu masa dan pilih fungsi yang anda inginkan untuk kunci tersebut > Simpan

Di antara fungsi yang anda boleh konfigurasi untuk kunci pintas Face ID anda termasuk status, kod tugas, memaparkan sms, tetapan wajah, tetapan cap jari dan sebagainya.



## 9 • UJIAN AUTOMATIK

### Siapa yang Perlu Melakukan Ujian Automatik?

Ujian Automatik ialah untuk mendiagnosa atau menganalisa Face ID. Terdapat beberapa jenis ujian yang terdapat di dalam Ujian Automatik Face ID dan hanya pendaftar dibenarkan untuk melakukan ujian-ujian yang disediakan ini. Sebelum menjalankan sebarang ujian, sila hubungi wakil jualan FingerTec anda untuk nasihat atau anda boleh menghubungi pakar teknik kami di [support@fingertec.com](mailto:support@fingertec.com).

### Adakah Skrin OK?

Ujian Skrin menentukan kualiti dan kepekaan panel skrin sentuh Face ID. Apabila anda membuka ujian ini anda akan melihat garisan berlainan warna; klik untuk meneruskan ujian. Jika terdapat garisan putus-putus atau warna yang tidak jelas, sila hantarkan terminal Face ID anda untuk dibaikpulih. Menu > Ikon Ujian Auto > Uji Skrin

### Memeriksa Mesej Suara/ Arahan Suara

Ujian Bunyi menentukan kualiti audio Face ID. Setiap klik pada skrin akan menghasilkan bunyi mesej suara yang berlainan. Sekiranya anda mendengar sebarang bunyi yang tidak betul dihasilkan oleh mesej suara atau arahan, sila hantar Face ID anda untuk diperiksa. Menu > Ikon Ujian Auto > Uji Suara



## Memeriksa Papan Kekunci

Ujian Papan Kekunci boleh digunakan untuk menguji keadaan papan kekunci Menu > Ikon Ujian Auto > Ujian Papan Kekunci

## Pemeriksaan Ke Atas Pengimbas Optik

Untuk menentukan keadaan pengimbas cap jari optik anda, lakukan ujian cap jari. Apabila anda berada di dalam skrin Ujian Cap Jari, Face ID akan memaparkan kotak putih pada skrin. Letakkan jari anda pada pengimbas. Jika anda boleh melihat cap jari anda di atas kotak putih, ia menandakan pengimbas optik anda berfungsi dengan baik. Sebaliknya, sila hantarkan Face ID anda untuk diperiksa. Menu > Ikon Ujian Auto > Ujian Cap Jari

## Memeriksa Kamera Infra-Merah

Untuk menentukan keadaan pengimbas wajah infra merah, anda perlu menjalan ujian wajah. Face ID akan memaparkan kotak di tengah skrin; anda perlu melihat pada kamera. Jika anda melihat imej anda di dalam kotak itu, kamera Face ID anda berfungsi dengan baik. Sebaliknya, hantarkan Face ID anda untuk diperiksa. Menu > Ikon Ujian Auto > Uji Wajah

## Adakah Masa Yang Dipaparkan Tepat?

Masa adalah teras kepada Face ID dan tidak boleh dikompromi. Ujian Masa akan memaparkan tarikh, masa, 0 (s): 0 (ms). Klik pada skrin untuk memulakan ujian. Masa 0 (s): 0 (ms) akan bermula dan setiap 10ms akan menambah satu saat. Sekiranya ujian ini tidak memberikan masa yang tepat, sila hantarkan Face ID anda untuk diperiksa. Menu > Ikon Ujian Auto > Ujian Masa

## 10 • KALIBRASI

### Kalibrasi Kepekaan Skrin ke Tahap Default

#### Menu > Kalibrasi

Skrin akan memaparkan sejumlah lima titik, satu titik pada satu-satu masa di sudut yang berbeza dan satu titik di bahagian tengah. Anda perlu menyentuh tengah semua titik untuk sistem mengkalibrasi skrin Face ID anda secara automatik. Apabila proses kalibrasi selesai, skrin akan kembali ke menu utama.

## Definisi Loceng Berjadual

Loceng berjadual ialah fungsi untuk memberitahu kakitangan atau pengguna pada satu-satu masa berdasarkan jadual yang ditetapkan syarikat atau kecenderungan. Sebagai contoh, masa rehat sekumpulan kakitangan ialah pada 10:30 pagi dan masa rehat sekumpulan yang lain ialah pada pukul 2:00 petang. Face ID menawarkan sehingga lebih 56 jadual yang boleh digunakan.

Menu > Loceng > Pilih pilihan jadual yang ingin diubah dan lakukan perubahan yang diinginkan > Simpan

## Memasukkan Masa Untuk Membunyikan Loceng Berjadual

Skrin akan memaparkan 00:00 sebagai masa default. Satu sentuhan pada masa itu akan membuka kekunci angka. Masukkan masa yang anda inginkan loceng berdering. Format masa ialah 24:00 jam.

## Menentukan Jenis Deringan Loceng Berjadual

Face ID menawarkan pelbagai jenis nada dering untuk dipilih dengan menekan nada dering yang diinginkan.

## Menjajar Bunyi Loceng

Kuat atau tidak deringan loceng anda boleh ditentukan dengan pilihan anda. Kekuatan bunyi yang ditawarkan ialah daripada 0-100, kekuatan bunyi default ialah 60. Sekali tekan pada nilai akan membuka papan kekunci sentuh di panel. Masukkan nilai yang anda inginkan untuk menentukan kekuatan bunyi loceng Face ID anda.

## Ulangan

Berapa kali anda inginkan loceng anda berdering? Sekali tekan pada nilai akan membuka papan kekunci sentuh di panel. Masukkan nilai yang anda inginkan untuk menentukan berapa kali bunyi loceng akan diulang di terminal Face ID anda.

## State

Anda boleh menentukan samada ada ingin mengaktifkan loceng berjadual atau sebaliknya dengan menyentuh pada bar Enable/Disable.

## 12 • AKSES

### Menggunakan Face ID Sebagai Akses Kawalan Pintu

Face ID boleh disambungkan ke aksesori kawalan pintu seperti kunci elektromagnetik dan bolt pintu untuk mengawal akses pintu. FingerTec menawarkan pelbagai jenis aksesori pintu yang boleh dilihat di [accessory.fingertec.com](http://accessory.fingertec.com). Di dalam ikon Akses, anda boleh mengkonfigurasi 4 perkara yang diterangkan di bawah ini. Untuk menetapkan Akses, tekan Menu > Akses.

### Berapakah Tempoh Sebelum Pintu Dikunci Kembali

Nilai ini merujuk kepada tempoh sebelum pintu dikunci kembali selepas ianya terbuka oleh pengesahan yang berjaya. Nilai default ialah 10 saat dan julat ialah di antara 1-10.

### Melewatkan Sensor Pintu

Ciri ini hanya berfungsi apabila adanya sensor pintu. Apabila pintu tidak ditutup untuk sesuatu jangkamasa, sensor pintu akan membunyikan sistem penggera. Nilai default ialah 10s, julat ialah 0-99s. Pilih nilai yang diinginkan.

### Memilih Jenis Sensor Pintu

Terdapat dua jenis sensor pintu yang terdapat iaitu Sentiasa Terbuka/ Normally Open (NO) dan Sentiasa Tertutup/Normally Close (NC). Sekiranya anda mempunyai sensor pintu, pilihlah jenis yang anda perlukan. Default ialah None.

### Melewatkan Penggera

Ciri ini hanya berfungsi apabila terdapatkan sistem penggera dipasang bersama terminal Face ID. Anda boleh membetulkan masa sebelum Face ID membunyikan sistem penggera jika pintu tidak ditutup. Sentuhan pada nilai akan membuka papan kekunci pada panel sentuh. Masukkan nilai dalam saat dan nilai default ialah 30s.

## 13 • MASALAH

### “Unable to Connect” Dipapar

Mesej ini akan muncul apabila tetapan komunikasi antara Face ID dan komputer tidak dilakukan dengan betul. Tentukan jenis sambungan yang anda perlu gunakan. Face ID menawarkan sambungan menggunakan LAN, RS232, RS485 dan USB. Rujuk kepada Bab 3 untuk memahami topik sambungan komunikasi dengan lebih baik.

### “Admin Affirm” Dipapar

Anda bukanlah pentadbir bagi terminal Face ID ini. Hanya pentadbir yang sah sahaja dibenarkan untuk akses ke dalam Menu. Sebarang cubaan oleh pengguna biasa untuk memasuki Menu akan memaparkan mesej “Admin Affirm” di atas skrin. Sekiranya pentadbir telah meletak jawatan, sila hubungi wakil jualan FingerTec® anda untuk akses Menu Face ID.

### Sukar untuk Membaca Cap Jari

Lima perkara boleh menyebabkan perkara ini:

#### **Pendaftaran tidak dilakukan dengan betul**

Pendaftaran merupakan proses paling penting dalam memastikan Face ID merakam kualiti terbaik cap jari anda. Rujuk ke Bab 4 untuk mengetahui cara untuk melakukan pendaftaran yang baik.

#### **Lokasi pemasangan Face ID tidak kondusif**

Pengimbas cap jari tidak berfungsi dengan baik jika diletakkan di bawah kawasan yang sangat terang. Ketika melakukan pengesahan, tutup sedikit ruangan pengimbas agar bacaan dapat dilakukan. Tukar lokasi untuk peShift the location area for a better performance.

#### **Jari tidak diletakkan dengan betul**

Untuk mendapatkan bacaan yang baik, pastikan titik-titik tengah jari diletakkan di tengah pengimbas. Lihat imej cap jari anda pada skrin untuk mengetahui kedudukan titik-titik tengah.

#### **Pengimbas kotor atau bercalar**

Periksa kualiti pengimbas anda. Jika pengimbas anda kotor, bersihkan dengan cebisan kain mikrofiber. Jika calar, hubungi wakil jualan anda untuk penukaran.

#### **Adakah sesuatu berlaku ke atas jari anda baru-baru ini?**

Pastikan jari anda tidak luka atau cedera kerana ia akan menyebabkan kesukaran untuk dibaca. Algorithme membaca titik minutia pada jari anda, lebih banyak titik yang dibaca, lebih senang untuk pengesahan.

## Terminal Face ID Tidak Membaca Wajah Anda

Dua sebab yang menyebabkan perkara ini berlaku:

### **Adakah anda telah berdiri dengan betul dan tidak membuat memek muka?**

Kedudukan anda daripada kamera mestilah berada dalam jarak yang betul. Jika anda boleh melihat pantulan wajah anda pada skrin, anda telah berada di kedudukan yang betul. Jangan membuat apa-apa memek muka ketika anda sedang membuat pengesahan. Lihat pada kamera dan diingatkan supaya jangan menutup muka anda dengan apa-apa objek.

### **Sudahkah anda uji kamera Face ID anda?**

Kamera terminal Face ID anda mungkin tidak berfungsi dengan betul. Uji kamera anda. Rujuk Bab 9 untuk Menguji Kamera Infra-merah.

## Lampu LED Berkelip Sentiasa

Tiada apa yang perlu dirisaukan kecuali jika warna lampu LED yang berkelip ialah merah. Lampu hijau yang berkelip memberitahu bahawa terminal Face ID berada di dalam mode bersedia. Jika lampu yang berkelip bewarna merah, terminal Face ID anda mungkin bermasalah. Sila hubungi wakil penjual yang terdekat untuk merujuk masalah ini.

## Paparan “Duplicate Finger”

Face ID merupakan terminal pintar. Ia tidak akan menerima cap jari yang sama ke dalam satu sistem walaupun menggunakan ID pengguna yang berbeza. Jika anda telah mendaftar cap jari anda ke dalam Face ID, sistem akan memaparkan “Duplicate finger” apabila anda ingin mendaftar jari yang sama. Pilihlah jari yang berlainan untuk membuat pendaftaran yang baru.

## Kad RFID Tidak Bertindakbalas

Dua kemungkinan yang menyebabkan masalah ini

### **Telahkan anda mendaftarkan kad anda ke terminal?**

Kad mestilah didaftarkan ke terminal Face ID sebelum terminal boleh membaca maklumat yang terdapat pada kad. Rujuk pada Bab 4 Penggunaan, untuk pendaftaran kad.

### **Adakah anda telah menagihkan ID pengguna ke dalam kumpulan pengesahan yang menyokong kad RFID?**

Tanpa penetapan terminal Face ID bahawa anda berada di dalam kumpulan yang menyokong kad RFID, Face ID tidak akan membaca kad anda.

## Tiada Bunyi

Terdapat dua sebab bagi masalah ini:

### **Mode suara Face ID disenyapkan**

Mungkin seseorang telah menutup bunyi untuk Face ID atau mengurangkan kadar bunyinya kepada 0%. Sila rujuk Bab 5 di bawah bab Bunyi untuk membetulkan keadaan ini.

### **Pembesar suara rosak**

Setelah anda membetulkan mode bunyi dan masalah ini masih kekal, lakukan ujian bunyi. Sila ke Bab 9 untuk melakukan ujian tersebut. Jika tiada bunyi yang dihasilkan, hubungi wakil penjual yang berdekatan untuk mendapatkan bantuan.

## 14 • BAHAN-BAHAN LAIN

### Maklumat Tentang FingerTec

Untuk mengetahui tentang	Pergi ke?
Syarikat dan produk	<a href="http://www.fingertec.com">www.fingertec.com</a>
Kemaskini terbaru	Facebook Fan Page: FingerTec Worldwide Twitter: FingerTec Worldwide Newsletter: Melanggan dengan menghantarkan emel ke <a href="mailto:info.fingertec.com/subscribenewsletter">info.fingertec.com/subscribenewsletter</a>
Tip Teknikal dan Produk Terbaru Kemaskini	<a href="mailto:user.fingertec.com">user.fingertec.com</a>
Emel	<a href="mailto:info@fingertec.com">info@fingertec.com</a> (Vendite) <a href="mailto:Support@fingertec.com">Support@fingertec.com</a> (Tecnico)
Daftar untuk Jaminan	<a href="http://info.fingertec.com/productwarranty">info.fingertec.com/productwarranty</a>
Aksesori FingerTec	<a href="http://accessory.fingertec.com">accessory.fingertec.com</a>

### Notis Hakcipta & Sangkalan

#### NOTIS HAKCIPTA

Semua hakcipta terpelihara. Tidak ada bahagian dari buku ini yang boleh diterbitkan atau disebar dalam apa jua bentuk dan cara, melalui elektronik atau mekanikal, termasuk membuat salinan, rakaman, atau sebarang sistem simpanan tanpa kebenaran bertulis daripada FingerTec Worldwide Sdn Bhd. Setiap peringatan telah dibuat untuk menyampaikan maklumat yang lengkap dan tepat. Maklumat dalam dokument ini boleh ditukar tanpa sebarang notis.

#### PENAFIAN

Tiada individu yang harus bergantung kepada kandungan buku ini tanpa mendapatkan nasihat daripada pakar profesional. Syarikat menafikan semua dan apa-apa liabiliti dan tanggungjawab ke atas mana-mana terminal atau pengguna buku ini, tentang apa sahaja, atau apa-apa sebab yang dilakukan oleh individu yang dipertanggungjawabkan, samada secara menyeluruh atau sebahagian, kerana penggunaan kandungan sebahagian atau keseluruhan buku ini.

**FINGERTEC WORLDWIDE SDN BHD**

